

13/02/2003

`Terima secara terbuka sebarang kejutan pemilihan'

KOTA KINABALU: Pemimpin dan ahli Umno di negeri ini perlu bersedia menerima sebarang kejutan calon Ketua Menteri baru yang mewakili parti itu bagi menggantikan Datuk Chong Kah Kiat.

Ketua Pergerakan Wanita Umno negeri, Datuk Dayang Mahani Pangiran Rafee, berkata tidak mustahil pemimpin muda dilantik ke jawatan itu seperti yang berlaku di Selangor.

"Kita perlu bersedia menerima kejutan dan memberi sokongan padu kepada sesiapa juga pemimpin yang dilantik sebagai Ketua Menteri kerana itu bukan perkara luar biasa," katanya kepada Berita Harian di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, wakil Umno akan mengambil alih jawatan itu selepas tamat tempoh Chong hujung bulan depan, mengikut sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah.

Sebelum teraju kepemimpinan kerajaan negeri dipegang oleh Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) pada 2001, penyandang jawatan Ketua Menteri Sabah adalah Datuk Osu Sukam yang mewakili Umno.

Dr Mahathir sebelum ini pernah membuat kejutan apabila melantik Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo sebagai Menteri Besar Selangor bagi menggantikan Datuk Seri Abu Hassan Omar.